

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah peruntukan yang telah diluluskan bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di bawah KPKT bagi Kawasan Parlimen Sibuti bagi tahun 2018 dan 2019 serta nyatakan peruntukan yang telah diberikan bagi program berikut di bawah PPKB iaitu Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif Di Bandar dan Program Kios Penjaja Bandar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyalurkan sebanyak RM30,000.00 di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) secara khususnya Program Baik Pulih Rumah Daif di Bandar bagi 2 Ketua Isi Rumah (KIR) dalam Majlis Bandar Raya Miri pada tahun 2018. Manakala sebanyak RM60,000.00 disalurkan kepada 4 KIR di bawah Majlis Daerah Subis pada tahun 2019 bagi kawasan Parlimen Sibuti.
2. Bagi Program Kios Penjaja Bandar pula, tiada permohonan yang diterima dari kawasan Parlimen Sibuti pada tahun 2018 dan program ini tidak lagi dilaksanakan pada tahun ini. Sekian, terima kasih.